

CNS7770

U GB 13-08 00163 BH915

AAB

Iran - Mahathir
Daripada Mazlan Nordin

TEHERAN, 13 Ogos (Bernama) -- Iran menyanjungi Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berharap beliau akan dapat melawat Republik Islam itu.

Menteri Bimbingan Agama dan Kebudayaan Iran (Menteri Penerangan), Dr Mohamad Khatami berkata dalam temuramah khas di sini: +Kami menghormati kerajaan dan rakyat Malaysia dan turut menghormati pilihan mereka akan Dr Mahathir sebagai pemimpin. Kedudukan beliau sebagai seorang negarawan amat kami hormati.+

+Kerana itu adalah wajar untuk kita mengeratkan kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan budaya. Keperluan penting hubungan-hubungan erat itu hendaklah diisi supaya kekosongan yang wujud tidak diisi oleh pihak-pihak lain,+ katanya.

Dr Khatami berpendapat bahawa skop untuk menjalin hubungan-hubungan itu adalah luas sekali memandangkan kepada kemajuan Malaysia sekarang dan kerana Iran telah memperkukuhkan asas-asas revolusi Islam.

Sementara itu Timbalan Menteri Luar bagi Asia dan Oceania Iran, Encik Alaidin Boroujerdi menyatakan harapan bahawa Dr Mahathir akan melawat Iran. -- Lagi.

♥13/08/17-25MST

CNS7788

U GB 13-08 00156 BH916

AAB

Iran - Mahathir 2 Teheran

+Kami di Iran mengiktiraf kedudukan Dr Mahathir sebagai seorang jurucakap utama Dunia Ketiga,+ beliau menambah.

Katanya, ini terbukti lagi daripada kenyataan-kenyataan tegas Dr Mahathir dalam sidang Menteri-Menteri Luar Asean dan Menteri-Menteri Penerangan Asean di Kuala Lumpur baru-baru ini. Yang turut menarik perhatian ialah kritik beliau terhadap media Barat kerana menulis berita-berita bohong yang merugikan negara-negara sedang membangun.

Antara pemimpin dunia yang dijadualkan melawat Iran tidak lama lagi ialah Presiden Turki, Turgut Ozal; Presiden Perancis, Francois Mitterand; Presiden China, Yang Shangkung; Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Perez de Cuellar.

Encik Boroujerdi menyambut baik lawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Encik Ghafar Baba akhir bulan ini sebagai satu sumbangan penting bagi memperluaskan hubungan antara kedua-dua negara.

Perdagangan antara Iran dan Malaysia telah meningkat dari \$191.1 juta pada tahun 1989 kepada \$246.1 juta tahun lalu. -- Lagi.

♥13/08/17-32MST

CNS7835

U GB 13-08 00245 BH917

AAB

Iran - Mahathir 3 Tehran

Kedua-dua menteri itu berunding sebelum upacara penandatanganan satu perjanjian pertukaran berita antara agensi berita Republik Islam Iran (IRNA) dan Bernama. Perjanjian itu ialah perjanjian yang ke-17 ditandatangani oleh Berita nasional Malaysia (Bernama) dengan agensi-agensi berita nasional yang lain.

Sejak penubuhan Biro IRNA di Kuala Lumpur sembilan bulan lalu untuk membuat liputan bagi seluruh Asia Tenggara, semakin banyak berita mengenai Malaysia dan Asean tersiar dalam media cetak dan elektronik Iran. Yang turut dilaporkan ialah kenyataan-kenyataan oleh para menteri dan tokoh-tokoh politik.

Sementara itu kira-kira 600 orang pelancong Iran terbang ke Kuala Lumpur setiap minggu melalui syarikat penerbangan Iran Air yang mengadakan dua penerbangan setiap minggu, berikutan perjanjian dengan Penerbangan Malaysia (MAS) yang ditandatangani pada Mac tahun lalu.

Kuasausaha Malaysia di Teheran, Encik Osman Samin berkata kedatangan rakyat Iran itu sebagai satu sumbangan besar kepada industri pelancongan Malaysia kerana ramai antara mereka yang membawa keluarga dan berbelanja besar.

Semakin ramai pelancong Iran kini mengunjungi Malaysia dan ini ialah hasil liputan luas mengenai Malaysia yang dikirim oleh IRNA. Sebagai contoh Encik Osman menyebut pujian secara spontan rakyat kepada kenyataan-kenyataan Dr Mahathir bagi pihak negara-negara membangun dan satu daripadanya ialah ucapan pembukaan Dr Mahathir pada Mesyuarat Menteri-menteri Luar Asean.

Presiden Iran, Ali Akbar Rafsanjani telah melawat Malaysia pada bulan September 1981 ketika beliau menjadi Speaker Parlimen Iran manakala Menteri Luar Iran, Dr Ali Velayati pula melawat Malaysia pada bulan Mei lalu.--
Bernama.

♥13/08/17-51MST